

29 OCT 2001

K-EKONOMI

KERAJAAN SEDIA LEBIH BANYAK INSENTIF BAGI K-EKONOMI

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan telah mengambil satu lagi langkah positif ke arah mengwujudkan K-ekonomi melalui Belanjawan 2002, kata Cheng Yuk Wai, ketua pegawai eksekutif MyBiz International Inc.

"Banyak pakej yang diumumkan oleh kerajaan akan menggalakkan lebih banyak perniagaan dan peserta industri mengguna pakai ICT bagi perniagaan dan pembuatan," katanya.

Dana modal teroka sebanyak RM500 juta telah ditubuhkan untuk menggalakkan pertumbuhan industri ICT.

Cheng berkata geran RM5 juta yang diperuntukkan bagi mengguna pakai RosettaNet oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pengurangan cukai pendapatan bagi perbelanjaan yang ditanggung oleh program perintis MNC di bawah Belanjawan 2002 akan menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan mengambil bahagian dalam rangkaian pengurusan bekalan dunia.

"MyBiz kini sedang bekerjasama dengan konsortium rakan kongsi bagi membolehkan sektor elektronik dan elektrik tempatan ke rangkaian bekalan dunia," kata Cheong.

"MyBiz merupakan penyedia penyelesaian dan bertanggungjawab memastikan aplikasi perkhidmatan e-niaga kami mematuhi RosettaNet untuk digunakan bagi menyepadukan pembekal tempatan kepada rangkaian bekalan dunia," katanya.

Cheong menyambut baik pengurangan cukai pendapatan daripada perdagangan pesisir pantai melalui laman web di Malaysia daripada 28 peratus kepada 10 peratus bagi tempoh lima tahun.

Pemotongan sebanyak 20 peratus bagi tempoh lima tahun kos yang diperolehi dalam pembangunan laman web bagi perniagaan sepatutnya juga menggalakkan lebih banyak perniagaan untuk menubuhkan urus niaga laman web, katanya.

"Sejak 1999, kami telah membolehkan PKS menubuhkan laman web urus niaga," kata Cheong, yang juga anggota Panel Penasihat IT Negara yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

SC SHY NHD